

15/05/2000

`Dekatilah kami' (HL)

ee Samshir; Muhd Yusuf Abu Bakar; Mohd Hamizar Hamid; Rosliza Mohamed KUALA LUMPUR, Ahad - Rakyat mengharapkan seluruh pemimpin dan ahli Umno meluangkan masa untuk mendekati mereka supaya dapat bersama-sama memulihkan imej parti itu yang terjejas angkara fitnah dan tipu helah pembangkang.

Menurut mereka ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno yang berakhir semalam, menyedarkan semua pihak mengenai wujudnya jurang antara Umno dengan rakyat hingga menyebabkan orang ramai mudah dipesongkan oleh golongan yang berkepentingan.

Sehubungan itu, pelbagai lapisan masyarakat yang ditemui Berita Harian hari ini, yakin usaha Umno untuk mendampingi masyarakat akan dapat mengembalikan kegemilangan dan keyakinan rakyat terhadap parti itu dan kerajaan.

Pengurus sebuah syarikat swasta, Rusli Abdul Rahman, 32, yang ditemui di sini, berkata: "Dengan mendekati kami, perpaduan dapat diperkukuhkan, sekali gus menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat."

Hashim Hasan, 32, juga yakin pendekatan itu akan memberi perubahan positif berhubung sikap masyarakat, khususnya orang Melayu, terhadap Umno.

Peniaga, Shamsuddin Tamat, 36, pula berkata semangat untuk bersatu padu seharusnya diutamakan tanpa mengira parti.

Pesara, Ramlah Miasar, 65, turut menyambut baik saranan Dr Mahathir agar pemimpin Umno turun ke bawah untuk berjumpa bukan saja anggota Umno biasa tetapi juga orang ramai.

Di ALOR STAR, peniaga, Azimi Ismail berkata, Umno sepatutnya sudah lama mencerminkan diri dan tidak membiarkan pemimpinnya leka dengan kejayaan yang dinikmati sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu.

Beliau yang tidak menyertai sebarang parti politik berkata, kelekaan sesetengah pemimpin, khususnya pada peringkat bahagian, menjadi punca sokongan orang Melayu terhadap Umno semakin terhakis.

"Justeru, sudah sampai masanya pemimpin Umno mengubah sikap dan meletakkan kepentingan rakyat lebih tinggi daripada kepentingan diri," katanya.

Jasry Jauhari, 32, juga sependapat bahawa pemimpin Umno perlu memberi penjelasan terperinci, khususnya kepada golongan muda yang tidak faham sepenuhnya jasa Umno kepada negara, khususnya orang Melayu.

"Kita tidak seharusnya menjadikan mereka musuh kerana ia hanya menyebabkan sokongan makin terhakis. Apa yang perlu dilakukan ialah mendekati diri dengan mereka supaya golongan berkenaan lebih memahami matlamat dan perjuangan parti," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Sharifah Munira Syed Hood, 18, dari Skudai Baru, berkata Umno perlu segera melaksanakan langkah itu bagi mengelak dianggap hanya retorik parti itu.

Katanya, Umno seharusnya mendekati diri dengan generasi muda untuk memberi penjelasan sebenar mengenai isu semasa kerana sebahagian besar maklumat biasanya perolehi dari sumber lain.

Mus Hassan, 33, dari Muar pula berkata tindakan keras seperti menukar kakitangan kerajaan yang menyokong pembangkang, terbukti meninggalkan kesan negatif kerana golongan penentang tetap mencari pengaruh di tempat baru.

"Jika kerajaan dan Umno terus dengan sikap keras termasuk menukar

kakitangan terbabit ke tempat yang tidak disukai mereka, mereka jugalah yang akan berhadapan dengan masalah," katanya.

Di KOTA KINABALU, seorang peniaga, Aznan Ahmad Rafie juga sependapat bahawa Umno tidak seharusnya memusuhi golongan penentang kerana kesempatan itu akan digunakan sepenuhnya pembangkang untuk menghasut rakyat, terutama kakitangan kerajaan dan remaja.

Seorang kakitangan swasta, Martin Nuin, 25, berkata tindakan Umno membelasah habis-habisan kakitangan kerajaan dan golongan tertentu sebelum pilihan raya umum lalu jelas memberi kesan buruk kepada parti kerajaan.

"Kaedah menyerang akan terus menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka. Bukan semua yang menentang kerajaan tetapi disebabkan pandangan mereka bahawa kerajaan terus menyerang mereka, mereka bertindak menyokong pembangkang.

"Justeru, saya menyokong langkah Perdana Menteri untuk mengkaji semula strategi supaya Umno lebih mendekati golongan yang menentang sebelum ini," katanya.

Mohd Nor Azmi, 25, dari Kampung Tobobon Menggatal, pula berharap golongan penentang akan memberi peluang kepada Umno untuk memberi penjelasan dan mendengar dengan hati terbuka.

Isterinya, Norhayidah Mansor, 21, berkata Umno mesti segera mendekati generasi muda bagi memulihkan keyakinan golongan itu terhadap parti tulang belakang pemerintahan negara.

Di KUALA TERENGGANU, Mohd Affandi Ismail, 23, pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), berkata orang Melayu tidak sepatutnya melemparkan Umno sebagai satu barangan buruk yang tidak berguna.

"Sejarah membuktikan perjuangan bangsa Melayu melalui pemimpin Umno untuk memerdekakan negara tidak ada tolok bandingnya. Tetapi mungkin arus zaman yang memerlukan pendekatan baru perlu dilihat sebagai sesuatu yang penting." katanya.

Seorang juruteknik teknologi maklumat, Mohd Rosdi Zakaria, 22, menyifatkan keinginan pemimpin Umno untuk melihat kesilapan dan memperbetulkannya adalah sesuatu yang sangat positif.

Di IPOH, pelajar tahun akhir sebuah kolej swasta di sini, Ahmad Shafique Isa, 24, berkata pendekatan mendampingi penentang kerajaan adalah cara terbaik bagi mengatasi kekeliruan serta salah faham rakyat terhadap pelbagai isu.

"Saranan Dr Mahathir amat baik kerana kita tahu ada antara penentang kerajaan itu sebenarnya bukanlah golongan pemberontak, tetapi mereka terikut-ikut serta tidak diberi penjelasan betul.

"Sedangkan musuhpun boleh diajak berkawan, inikan pula kita menghadapi golongan penentang seperti itu," katanya.

Seorang pesara, Fatima Abdoolah, berkata sekarang adalah masa terbaik bagi Umno mendekati rakyat terutama kakitangan kerajaan yang menjadi kumpulan penentang bagi mengembalikan maruah parti.

Di KOTA BHARU, Norhidayani Omar, 18, dari Pasir Mas, berkata saranan Dr Mahathir itu patut disambut dengan tangan terbuka dan diterima dalam usaha mendampingi sesetengah golongan yang sebelum ini menentang kerajaan berikutan kurang memahami perjuangan Umno.

Mohd Hasmawi Hashim, 23, pembantu sebuah kedai makan di Jalan Sultanah Zainab, berkata penjelasan pemimpin Umno berhubung perjuangan sebenar parti itu boleh meningkatkan kefahaman umum terhadap agenda sebenar Umno.

(END)